



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI TENGGU ADNAN TENGGU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA  
MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI  
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
TAHUN 2013/1434H**

**25 OGOS 2013 (AHAD), 12.30 TGH – 3.00 PTG  
KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA LABUAN**

---

**Bismillah Hirrahman Nirrahim**

**Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis**

**(Senarai salutation akan dimaklumkan kemudian)**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera  
dan Salam 1Malaysia**

1. Pertama sekali, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Illahi kerana atas limpah rahmat dan kasih sayang yang dianugerahkan olehNya, kita sekali lagi dapat bersama-sama berkumpul pada hari ini sempena **Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2013/1434H**. Saya merasa amat

berbesar hati kerana Wilayah Persekutuan Labuan merupakan lokasi pembuka tirai untuk Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Tahun 2013/1434H anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Perbadanan Labuan.

2. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan “Selamat Hari Raya Aidilfitri” serta “Maaf Zahir dan Batin “ kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir untuk bersama-sama memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri ini.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

3. Sambutan Hari Raya Aidilfitri merupakan hari untuk meraikan kemenangan kepada umat Islam yang telah berjaya mengerjakan ibadah puasa selama sebulan di bulan Ramadan. Selain itu, dalam bulan Ogos ini juga seluruh rakyat Malaysia akan menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-56 tahun pada 31 Ogos ini. Justeru itu, kita seharusnya amat bersyukur atas nikmat keamanan di Negara ini kerana sambutan kedua-dua perayaan ini dapat kita raikan dengan aman dan sejahtera. Sekalung doa kita hadiahkan kepada pejuang-pejuang Negara yang telah menggadaikan nyawa mereka demi mempertahankan kedaulatan Negara kita.

4. Namun, dalam pada kita berada dalam suasana gembira, saya juga ingin menyampaikan rasa sedih dan simpati terhadap peristiwa pergolakan yang menimpa rakyat Mesir pada ketika ini. Kita doakan semoga Allah akan membukakan jalanNya bagi meredakan pergolakan di Mesir dan meringankan penderitaan rakyatnya.” We Pray for Egypt”

itulah kempen yang sedang hangat diwar-warkan melalui pelbagai saluran media termasuk laman sosial bagi menunjukkan betapa kita kasih dan simpati terhadap saudara-saudara kita yang berada di Mesir.

5. Keadaan ini amat berbeza dengan keadaan di Negara kita yang aman damai. Janji-janji pihak kerajaan kepada rakyat tetap ditunaikan tanpa berlengah-lengah. Seperti yang diumumkan oleh saya semasa Majlis Berbuka Puasa Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan baru-baru ini, pihak kerajaan telah bersetuju untuk membantu menaiktaraf kemudahan dan keperluan Madrasah Tahfiz Sri Merinding dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00. Pihak kerajaan telahpun menyalurkan peruntukan RM300,000.00 tersebut dan pihak Madrasah juga telah mengesahkan penerimaan sumbangan tersebut. Betapa bertuahnya kita semua di Malaysia ini dengan pentadbiran kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

6. Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri pada tahun ini menampilkan suasana yang sedikit berbeza kerana majlis ini diadakan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Lokasi ini dipilih kerana pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan dengan kerjasama Unit Joran Berita Harian turut menganjurkan Fiesta Pancing Labuan Merdeka Raya 2013 yang berlangsung pada 24 dan 25 Ogos 2013 di sini. Fiesta memancing ini telah berjaya menarik penyertaan lebih 1,500 orang dari kalangan pemancing-pemancing di sekitar borneo termasuk dari negara Brunei. Oleh itu Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri

pada tahun ini turut diadakan di sini agar warga Labuan dapat merasai kemeriahan Fiesta Pancing Labuan Merdeka Raya 2013 ini.

7. Semalam telah berlangsung acara memancing tradisional atau lebih dikenali sebagai Sum-Sum di samping program-program lain seperti Pertandingan Memasak Ketam, Pertandingan Mewarna Bendera Wilayah Persekutuan, Pertandingan Nyanyian Lagu Maju Dan Sejahtera dan sebagainya bagi memeriahkan fiesta ini. Selain itu, hadiah keseluruhan pertandingan memancing yang ditawarkan juga adalah sangat menarik di mana wang tunai keseluruhan berjumlah RM45,500.00 bakal di bawa pulang oleh para peserta pertandingan. Juara pertandingan akan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM15,000.00.

8. Fiesta Pancing ini merupakan salah satu program yang berpotensi untuk menjadi daya tarikan pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan. Sesuai dengan keadaan fizikal Labuan yang dikelilingi oleh laut dan pantai, aktiviti ini boleh menjadi salah satu produk pelancongan untuk menarik pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara untuk datang ke Wilayah Persekutuan Labuan. Kehadiran para kaki pancing dari seluruh negara sudah pasti akan melonjakkan ekonomi dan industri pelancongan tempatan. Inilah masanya para penduduk tempatan mengambil kesempatan dan peluang untuk mempromosikan produk-produk tempatan terutamanya makanan dan hasil laut. Ini seterusnya akan menjadikan Labuan sebagai lokasi yang wajib dikunjungi oleh orang ramai terutamanya para kaki pancing. Insya Allah, dengan sambutan yang amat menggalakkan sebegini, tidak mustahil ianya akan

dijadikan sebagai program tahunan Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan dan Joran-Berita Harian.

9. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pihak Asian Supply Base yang merupakan Platinum Program Partner Fiesta Pancing Labuan Merdeka Raya yang memberikan sumbangan berjumlah RM30,000.00. Terima kasih juga kepada pihak LDA (Holdings) Sdn.Bhd, Telekom Berhad dan Labuan FSA. Kerjasama yang diberikan ini diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang. Saya berharap lebih banyak syarikat-syarikat swasta dan GLC yang akan tampil untuk bersama-sama menjayakan program-program seumpama ini yang seterusnya memberikan manfaat kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

10. Bagi merencanakan pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan, pihak Kementerian akan mengambil inisiatif untuk memastikan hala tuju pembangunan Labuan sebagai hab industri minyak dan gas, destinasi pelancongan serta pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa dapat mencapai ke tahap paling optimum. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan telah mengetuai satu delegasi 'Misi Pelaburan' yang disertai oleh pelabur-pelabur dari pelbagai bidang ke Wilayah Persekutuan Labuan baru-baru ini.

11. Dalam pertemuan ini, delegasi telah diberi taklimat mengenai pembangunan Labuan dan peluang-peluang pelaburan yang terdapat di

sini. Beberapa sesi perjumpaan dan sesi lawatan juga telah diaturkan dengan syarikat-syarikat yang beroperasi di Labuan bagi mendapatkan terus maklumat berkaitan potensi pelaburan yang boleh dijalankan. Semoga dengan usaha ini, dapat memberi *outcome* yang akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Labuan khususnya dalam industri yang berpotensi tinggi untuk dimajukan.

### **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

12. Selain kita menikmati juadah hidangan yang disediakan, nasib golongan yang tidak bernasib baik dalam meraikan bulan Syawal yang mulia ini tidak dilupakan. Kementerian Wilayah Persekutuan amat berbesar hati untuk meraikan 700 orang penerima sumbangan aidilfitri yang terdiri dari golongan miskin, ibu tunggal, anak-anak yatim, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas untuk bersama-sama memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri pada hari ini.

13. Dalam menjayakan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri kali ini, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak terutamanya para *program partners* iaitu Asian Supply Base yang menyediakan 10,000 cucuk sate dan mee kari, Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd yang menyumbangkan 10,000 batang aiskrim, Billion Waterfront yang menyumbangkan 2000 pcs *cup cakes* dan juga kepada Dorsett Grand Labuan yang menyumbangkan mee mamak serta *muffin* untuk para tetamu. Sememangnya majlis ini juga merupakan salah satu platform yang ideal kepada kita atas dasar semangat

perpaduan sebagai rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan keharmonian untuk bersama-sama meraikan Hari Raya Aidilfitri.

14. Akhir sekali, marilah kita bersama-sama berdoa agar keamanan yang kita kecapai sekarang akan berkekalan dan semoga kita semua diberi rahmat perlindungan oleh-Nya.

**“ Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.”**

Sekian, Wabillahi Taufik walhidayah Wassalamulakum W.B.T.

Sekian, terima kasih.